

11 JUN 1999

Khalil-Umno

PERSIAPAN UNTUK PERHIMPUNAN AGUNG UMNO BERJALAN LANCAR

KUANTAN, 11 Jun (Bernama) -- Persiapan oleh ibu pejabat Umno untuk mengadakan Perhimpunan Agung Umno minggu depan kini berjalan lancar dan semua laporan yang perlu dibentangkan pada perhimpunan itu sudahpun siap, kata Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob hari ini.

Beliau berkata, para perwakilan ke perhimpunan itu kelak akan menumpukan perbahasan mereka kepada ucapan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selain membahaskan usul agama dan usul ekonomi yang turut mengandungi elemen pendidikan.

Semasa ditemui pemberita di sini, beliau berkata selain itu, perhimpunan khas juga akan diadakan di medan Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada sebelah malam 17 Jun ini yang akan dihadiri oleh semua perwakilan, para pemerhati dan wakil daripada parti-parti komponen Barisan Nasional (BN).

Perhimpunan khas itu merupakan sebahagian daripada tindakan Umno untuk menghadapi pilihanraya umum memandangkan banyak pertanyaan yang dibangkitkan sejak akhir-akhir ini tentang persiapan untuk menghadapi pilihan raya, katanya.

"Kita bertindak mengikut strategi yang ditentukan oleh Presiden Umno dan berdasarkan momentum tertentu. Sekarang kita tengah memulakan dan pertingkatkan jentera parti bagi menghadapi pilihan raya akan datang," kata beliau.

Bagaimanapun, beliau berkata jentera Umno bukanlah hanya bergerak semasa berhadapan dengan pilihan raya sahaja, sebaliknya bergerak sepanjang masa dengan pelbagai aktiviti.

Khalil yang juga Menteri Penerangan berkata, unit khas untuk menangani fitnah dan kempen memburuk-burukkan kerajaan menerusi Internet akan ditempatkan di ibu pejabat Umno selain di Kementerian Penerangan.

Saluran yang paling tepat untuk menjawab semua laporan tidak benar menerusi Internet ialah dengan menggunakan Internet itu sendiri untuk membolehkan kerajaan memberikan penjelasan dan kedudukan sebenar terhadap laporan-laporan berkenaan, katanya.

Pada masa yang sama, jawatankuasa untuk menangani fitnah yang dipengerusikan oleh Datuk Ibrahim Ali juga mengambil tindakan undang-undang terhadap fitnah-fitnah yang "terlalu daring and glaring," tambah beliau.

"Kita agak puashati bila tindakan begini diambil kerana nampak ada kecenderungan daripada parti-parti lawan untuk mengurangkan unsur-unsur fitnah dalam ceramah mereka yang sebelum ini bercorak peribadi dan cuba menjatuhkan orang tertentu," kata Khalil.

-- BERNAMA

ROS PR